

BAB 2

NOSTALGIA TERHADAP

TANAH BESAR CHINA

2.1 LATAR BELAKANG ZHANG XIGUO

Sebagai penulis yang berkaliber dan bertanggungjawab di samping profesi komputer sains yang diceburi Zhang Xiguo, beliau mengharumkan namanya dalam bidang Sastera China Moden berdasarkan kemahirannya dalam kedua-dua bidang tersebut. Zhang Xiguo menyerlahkan keistimewaan dalam bidang penulisan walaupun beliau bukan seorang penulis sepenuh masa.¹ Sejak beliau mengaji dalam bidang kejuruteraan mekanikal di Universiti Taiwan hingga

¹ Zhang Xiguo menceburkan diri dalam bidang penulisan walaupun beliau seorang pakar sains komputer. Kerja penulisan diibarat beliau sebagai “kerja sambilan”. Namun, beliau tidak pernah mengambil sikap sambil lewa terhadapnya. Kesungguhan beliau dapat dibandingkan dengan Edward Said (1935-2003), seorang pensyarah terkemuka yang pernah mengajar di Universiti Columbia, Amerika Syarikat. Said tidak gemar menadang sebarang jawatan dalam bidang akademik tetapi beliau berinisiatif untuk memberi syaran-syaran di merata-rata tempat. Kebebasan ini memberi sokongan sepenuh kepada Said dalam bidang akademik. Maka, Edward Said mengatakan bahawa seseorang “intelektual sambilan” dapat mengekalkan kebebasannya dan tidak dikongkong sebagai seorang “intelektual profesional”. Menurutnya, “‘Intelektual sambilan’ berkemampuan menanggung segala risiko jika berada di ruang awam (public sphere). Syaran, bacaan dan penulisan yang dihasilnya tidak terikat seperti dalam bidang profesion.” (1998: 126-127). Lantaran itu, Edward Said berasa dirinya bebas mengutarakan pelbagai pendapat dan idea-idea dalam syaran terbuka di khalayak ramai tetapi bukan di dalam bilik kuliahnya. Dalam hal ini, Zhang Xiguo, seorang pakar sains yang juga diperlihat sebagai seorang “penulis sambilan” yang menyumbang kepada masyarakat melalui penanya.

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China kerjayanya yang dibina di Amerika Syarikat hari ini, nama Zhang Xiguo tidak pernah terkeluar daripada bidang sains dan teknologi. Namun, beliau sebenarnya seorang penulis yang terulung dalam bidang kesusasteraan China pada zaman kontemporari di sebalik kerjayanya. Pencapaian beliau dalam penulisan karya-karya fiksyen, novel, kritikan dan artikel telah menjanjikan statusnya dalam bidang kesusasteraan China. Beliau sebagai seorang intelektual yang berpandangan jauh tidak lupa untuk mendalami peranan, masa depan dan nasib bangsa Cina secara menyeluruh.

Zhang Xiguo seperti kebanyakan penulis yang menceburkan diri dalam bidang Sastera Penuntut Seberang Laut, beliau juga berhijrah dari tanah besar China. Nenek moyangnya berasal dari pekan Nanchang di wilayah Jiangxi, negara China dan beliau pula dilahirkan di Chongqing, negara China pada tahun 1944. Pada tahun 1949 ketika Zhang Xiguo berumur lima tahun, beliau berhijrah ke Taiwan bersama keluarganya. Beliau menamatkan pendidikan menengah di Xinzhu, sebuah pekan kecil dan memperoleh ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan mekanikal di Universiti Taiwan pada tahun 1965. Pada tahun seterusnya, Zhang Xiguo melanjutkan pelajaran sains komputer di Amerika Syarikat dan memperoleh ijazah doktor falsafah di Universiti California (Berkeley) pada tahun 1969. Zaman remaja Zhang Xiguo di Taiwan merupakan suatu pengalaman yang sukar dilupakan sehingga memberi pengaruh besar dalam penulisannya kelak.

Dalam sebuah temuramah dengan Long Yingtai, kita mendapati bahawa waktu persekolahan Zhang Xiguo tidak segembira rakan sebayanya (1985a: 196).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Beliau keseorangan dalam kebanyakan masa disebabkan sikap dinginnya yang tidak suka berinteraksi. Tambahan pula, beliau seorang kaki bangku dan kerap diejek oleh rakan-rakan menyebabkan beliau menjauhkan diri daripada orang lain. Mengimbas kembali masa pembelajarannya di Taiwan, terdapat sebuah kenangan pahit yang tidak mudah dilupakan sehingga hari ini. Semasa waktu persekolahannya, para pelajar digalakkan membawa bungkusan nasi ke sekolah. Tibanya waktu rehat, pelajar yang bertugas akan mengumpul bungkus-bungkus dari kantin dan diserahkan kepada para pelajar. Malangnya, hanya Zhang Xiguo seorang yang tidak mendapat bungkusan nasinya. Dia begitu risau dan cemas dengan air matanya yang mengalir. Beliau mencari-cari bungkusannya di sekeliling kelas dengan badan yang agak gemuk pada masa itu. Sebaliknya para pelajar yang asyik makan tengah hari menyanyi sambil mengejek-ejak gerak-gerinya yang tergopoh-gapah itu.

Peristiwa ini masih segar dalam ingatan Zhang Xiguo walaupun beliau kini seorang penulis yang terkenal. Pengalaman yang menyinggung perasaan Zhang Xiguo ini mengakibatkan beliau begitu khuatir untuk berdepan dan berinteraksi dengan khalayak ramai apabila dewasa nanti. Walau bagaimanapun, peristiwa yang tidak menyeronokkan ini akhirnya menjadi daya dorongan kepada penulisan Zhang Xiguo. Beliau berasa lebih tenang dan selesa jika berada dalam keseorangan. Justeru, Zhang Xiguo mula mengarang dan beliau menyedari bahawa berkarya adalah satu-satunya saluran untuk dirinya berinteraksi dengan orang lain. Sejak kecil lagi, Zhang Xiguo tersimpan sebuah cerita dongeng yang berjudul “Budak yang Ingin Mempelajari ‘Dao’” dalam Benaknya (Long, 1985a:

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

196).² Beliau sering berkhayal dirinya seakan-akan watak cerita tersebut, yakni seorang budak yang gemar melukis kucing pada dinding di sudut terpencil yang keseorangan dan tidak diganggu orang luar. Dunia kecil yang diidam-idamkan selama ini memberi perasaan selamat kepada dan ketenangan inilah membolehkan Zhang Xiguo membuka langkah untuk menghayati segala kesempurnaan dan realiti hidup melalui penulisannya (Long, 1985a: 197).

Sejak di Universiti Taiwan lagi, Zhang Xiguo cenderung kepada falsafah Barat terutama “Existensialisme” (*Existism*) yang berasaskan pemikiran Jean-Paul Sartre (1905-1980). Karya-karya fiksyen Jean-Paul Sartre umpamanya *The Wall* dan *The Age of Reason*, skrip seperti *The Flies* dan *No Exit* ialah buku-buku kegemarannya pada masa itu. Pada tahun kedua di universiti, yakni ketika Zhang Xiguo berusia 19 tahun, beliau berhasrat menghasilkan buku pertamanya yang membincangkan pemikiran Jean-Paul Sartre. Malangnya, tiada syarikat penerbitan yang rela mencetakkan bukunya kerana dipercayai buku ini sukar mendapat sambutan pasaran pada masa itu. Justeru, Zhang Xiguo terpaksa

² “Dao” ialah bahasa Cina dan diertikan sebagai “kecenderungan dalam kecinaan” (obsession with China) seperti yang dijelaskan oleh Profesor Xia Zhiqing (C.T.Hsia) dalam meninjau kebanyakan tema penulisan dalam karya-karya fiksyen moden China antara tahun 1917 hingga tahun 1949. Xia Zhiqing berpendapat, “Tidak dapat dinafikan bahawa Sastera China Moden adalah berbeza dengan sastera sebelum ini dan juga sastera pada zaman pemerintahan Komunis kemudiannya. Karya-karya pada zaman China Moden ghairah mendedahkan rasa tanggungjawab yang berdasarkan tata tertib masyarakat atau yang disebutkan sebagai semangat ‘ganshi youguo’. Negara China pada masa itu huru-hara dan kurang berkemampuan dalam pembangunan masyarakatnya. Pelbagai amalan yang tidak berperikemanusiaan diwarisi daripada masyarakat tradisi masih sukar dikikiskan. Justeru, para penulis yang penting pada masa itu, termasuk penulis fiksyen, drama, sajak dan prosa masing-masing dilandai semangat patriotik yang hangat.” (1979: 459) Sastera China Moden memainkan peranan penting dalam membayangkan kegelapan masyarakat dan kelemahan politik sejak akhir Dinasti Qing. Kebanyakan penulis sebelum Perang Candu (1839-1842), misalnya Li Ruzhen (1763-1830) dan penulis kemudiannya, seperti Liu E (1857-1909) dan Lu Xun (1881-1936) berikhtiar “memperalatkan” karya sastera mereka untuk mendedahkan kelemahan masyarakat. Semangat penulisan yang dipegang oleh penulis-penulis pada zaman China Moden akhirnya diperturunkan kepada ramai penulis Cina pada hari ini. Misalnya, Zhang Xiguo selalunya dikritik oleh sarjana-sarjana sastera bahawa beliau ialah seorang penulis yang ghairah membayangkan “dao” dalam karya-karyanya (Sila rujuk Long Yingtai, 1985a dan Li Oufan, 1980).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

menanggung segala kos percetakan dalam nukilan pertamanya yang berjudul *Pemikiran Falsafah Jean-Paul Sartre*.³ Pemikiran Jean-Paul Sartre sememangnya telah memberi pengaruh yang besar kepada Zhang Xiguo sejak awal-awal lagi. Beliau berpendapat bahawa Jean-Paul Sartre ialah seorang tokoh falsafah yang prihatin terhadap masyarakat walaupun tokoh ini menganggap dirinya sebagai seorang hero. Sebagai seorang intelektual Perancis, kepekaan yang ada pada Jean-Paul Sartre dijadikan teladannya. Lantaran itu, beliau senantiasa menampilkan diri kepada pelbagai persoalan yang berlaku di sekelilingnya seterusnya menjadikan beliau seorang penulis yang matang dan berpandangan jauh.

Sesungguhnya Zhang Xiguo mempunyai pemikiran yang tersendiri walaupun berusia muda. Beliau tidak terhenti-henti mengeluarkan pendapat daripada pelbagai aspek dengan mendalam sebab-musabab persoalan tersebut. Lama-kelamaan, rangka pemikiran yang tersendiri terbentuk dan memberi keyakinan untuknya mengeluarkan pandangan yang bernes terhadap masyarakat. Misalnya karya fiksyen yang berjudul “Pemenang” (Shenglizhe) dan “Memancing Ikan” (Diaoyu) yang dipapar dalam *Sastera Berpadu (Lianhe Wenxue)* memperlihatkan ketajaman dan kematangannya terhadap pelbagai perubahan masyarakat. Ketika tahun ketiga dan keempat di universiti, Zhang Xiguo kerap memaparkan karya-karya kritikan dalam *Forum Universiti (Daxue Luntan)* dan

³ Penulisan ilmiah Zhang Xiguo yang pertama berjudul *Pemikiran Falsafah Jean-Paul Sartre* yang diterbitkan sebanyak 300 buah tetapi beliau tidak berinisiatif untuk membuka pasaran buku tersebut. Kebanyakan buku ini kemudian dihadiahkan kepada rakan-rakannya. Dua tahun kemudian, Jean-Paul Sartre dianugerahi pingat Nobel. Syarikat percetakan buku tersebut mencetak semula karyanya dan Zhang Xiguo kali ini memperoleh buku-buku bernilai dua ribu dolar Taiwan daripada syarikat percetakan sebagai ganjarannya (Xia Zuli, 1977: 34).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Berita Universiti (*Daxue Xinwen*) dan karya-karya ini kemudiannya disimpan dalam koleksinya yang berjudul *Mata Pusat Adam (Yadang De Duqian)* pada tahun 1971. Pada hakikatnya, Zhang Xiguo tidak berpuas hati dengan karya-karya yang masih mentah pada tahap ini disebabkan pemikirannya yang sempit (Xia Zuli, 1977: 37). Walau bagaimanapun, karya-karya Zhang Xiguo pada masa inilah merupakan batu loncatan untuk menuju ke arah penulisan yang lebih matang kemudian.

Pada usia 19 tahun, Zhang Xiguo mengeluarkan karya fiksyennya yang pertama dengan judul *Kisah Benar tentang Paderi Pi*. Pemikiran falsafah Barat yang dipelajarinya ketika di universiti terutama “Existensialisme” yang ditekankan Jean-Paul Sartre telah menghasilkan pengaruh yang tidak terhitung terutama dalam soal agama. Zhang Xiguo mengakui bahawa karya-karya Jean-Paul Sartre sememangnya telah memberi pengaruh besar kepadaanya terutama dari aspek ideologi walaupun pengaruh sedemikian tidak banyak mempertingkatkan teknik penulisannya pada masa itu (Xia Zuli, 1977: 36). Pelbagai pemikiran falsafah Barat yang menekankan persoalan-persoalan dunia banyak memberi dorongan dalam penulisan Zhang Xiguo dan menjadikan beliau seorang penulis yang mengutamakan mesej penulisan di sebalik teknik penulisan dan nilai estetika serta kehalusan bahasanya. Ketajaman pemikiran beliau sebenarnya banyak dipengaruhi oleh pempratikannya dalam kemahiran sains dan teknologi. Kerjayanya kemudian yang melibatkan diri dalam pengurusan corak gambar, saluran maklumat dan pelbagai teori sains telah memberi sumbangan besar dalam bidang komputer untuk bangsa Cina.

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Zhang Xiguo terus menceburkan diri dalam bidang sains dan teknologi sejurus selepas menamatkan pengajiannya di Amerika Syarikat. Pada tahun 1970, beliau merupakan timbalan pensyarah fakulti kejuruteraan di Universiti Illinois, Chicago dan kemudian juga di Universiti Qinghua, Taiwan. Selain itu, beliau juga pengkaji di Jabatan Sains dan Teknologi di Academia Sinica (*Zhongyang Yanjiu Yuan*), pensyarah dan ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Illinois (1975-1982). Zhang Xiguo juga menyandang jawatan ketua Pusat Pengkajian Komputer di Universiti Pittsburgh dan pengetua Institut Sistem Pengetahuan (*Knowledge Systems Institute*). Walaupun profesion beliau selama ini berkait rapat dengan bidang sains, namun pada masa yang sama beliau tidak mengabaikan peranannya dalam penulisan sastera. Menurut Zhang Xiguo, sains yang tanpa “perikemanusiaan” tidak menjanjikan jiwa yang realiti dan kepuasan dalam hidupnya. (Yang, 2001: 5) Maka, untuk mengejar kedamaian hidup yang lebih bererti, Zhang Xiguo berkecimpung dalam bidang kesusasteraan dengan lebih giat lagi.

Detik-detik tumbesaran Zhang Xiguo di Taiwan dan pengalaman hidupnya di Amerika Syarikat telah membentuk suatu tapak pemikiran yang kukuh baginya. Sejak kecil lagi, Zhang Xiguo kurang berkeyakinan dalam pergaulan dengan orang ramai. Namun, beliau berusaha mengubah dirinya untuk “berinteraksi” dengan orang lain melalui penanya. Situasi ini bertambah baik ketika beliau melanjutkan pelajaran di rantau asing. Beliau cuba meluahkan perasaan ambil berat akan bangsa dan nusa dalam kebanyakan karyanya yang dikarang di seberang laut. Tambahan pula, pengalaman Zhang Xiguo di Amerika Syarikat

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China telah mengukuhkan lagi semangat penulisannya seterusnya membawa beliau ke tahap penulisan yang lebih bermakna.

Pada waktu pembelajaran di Universiti California (1966-1969), Zhang Xiguo tidak tertahan dengan perasaan rindu akan kampung halamannya seperti kebanyakan penuntut di seberang laut. Pergelutan beliau ketika berdepan dengan budaya asing amat menonjol pada masa itu. Namun, beliau berusaha mengawal dirinya agar tidak menenggelami diri dalam peristiwa penghijrah pada tahun 1949 yang pernah menghantui golongan penghijrah di Taiwan. Koleksi karya fiksyen *Tanah Air* yang merupakan karya pertamanya semasa belajar di Universiti California diselubungi perasaan rindu akan kampungnya yang menebal. Kerinduan ini bukan tanpa sebab tetapi berasaskan hubungan eratnya dengan Taiwan. Beliau mengakui bahawa nostalgia terus menyelubungi jiwa raganya walaupun beliau kemudiannya meninggalkan Universiti California dan bekerja di pusat penyelidikan di Bandar York pada bulan April, 1969. Lebih kurang setahun Zhang Xiguo bekerja berhempas-pulas untuk menyumbang usahanya kepada pusat penyelidikan. Di samping itu, beliau tidak terhenti mengeditkan *Koleksi Di Luar Tanah (Yuwaiji)* untuk *Majalah Universiti (Daxue Zazhi)* di sebalik kesibukannya. Zhang Xiguo berkata, “Di samping memerah otak di pusat penyelidikan, saya banyak berfikir tentang masa depan bangsa Cina dan diri sendiri.” (1979i: 250) Suasana penyelidikan yang bosan ketika di rantau asing benar-benar melunturkan semangatnya pada masa itu. Zhang Xiguo mengatakan bahawa pemikirannya yang begitu pesimis ketika itu telah mengakibatkan beliau menghasilkan beberapa buah karya fiksyen yang kurang sihat misalnya “Sungai Pasir” (Liushahe), “Catatan tentang Tulang Luput” (Kugu

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China Zhaji) dan “Kebakaran” (Fen). Namun, di sebalik perasaan yang kurang tenang ini, karya-karya Zhang Xiguo terserlah kekuatan imaginasi dan kepekaan seorang penulis terhadap masyarakat sekitarnya.

Pada bulan September 1970, Zhang Xiguo menyandang jawatan timbalan pensyarah di Jabatan Kejuruteraan di Universiti California kerana beliau tidak tertahan lagi dengan kehidupan bosan yang asyik memerah otaknya di pusat penyelidikan. Kebetulan ketika beliau berada di Universiti California, kempen melindungi Kepulauan Diaoyu sedang giat dilaksanakan. Kempen ini padahalnya banyak membawa implikasi yang ketara kepada beliau dan kemudiannya membekalkan petunjuk dan ilham penulisan yang penting kepadanya. Semangat kebangsaan yang bersemarak terus mendorong Zhang Xiguo menceburkan diri secara aktif dalam kempen yang amat bererti ini. Fiksyennya yang berjudul “Upacara Berkhatan” (Geli) dikeluarkan tiga bulan selepas beliau melibatkan diri dalam perarakan tersebut. Menurut Zhang Xiguo:

Jikalau lewat tiga bulan lagi, kemungkinan tidak dapat ku tulis apa-apa tentang peristiwa ini. Ku akui kehidupan yang dialami selama ini merupakan masa yang paling bermakna bagiku sepanjang masa pembelajaran selama enam tahun ini (1979g: 251).

Perasaan yang amat bercelaru ini akhirnya mendorong beliau menghasilkan novel yang berjudul *Kemarahan Masa Silam*. Penulisan ini kemudiannya telah memperluaskan skop penulisan Zhang Xiguo dalam bidang kesusastraan di

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Taiwan.⁴ Namun, kempen yang sebenarnya bertujuan menyadupadukan bangsa Cina di seluruh pelosok dunia ini telahpun mengalami perpecahannya pada bulan Jun 1971. Zhang Xiguo yang berada di Universiti California terpaksa berdepan dengan pelajar-pelajar yang gagal mencapai permuaafakatan. Di samping itu, pendiriannya bercanggah dengan rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama mengeditkan *Koleksi Di Luar Tanah* langsung mengakibatkan kelesuan fizikal dan mentalnya.

Pada bulan Julai 1971, Zhang Xiguo terpaksa kembali ke pusat penyelidikan di Bandar York. Beliau gagal menumpukan perhatian dalam penulisannya dan keadaan ini berterusan ke bulan Oktober tahun berikutnya. Pada masa itu, Zhang Xiguo hanya sempat menghasilkan sebuah fiksyen yang berjudul “Rumput Langit” (Tian Dongxing Luocao) sahaja. Pada tahap penulisan koleksi karya fiksyen *Tanah Air*, pemikiran Zhang Xiguo dikatakan pesimis sekali. Beliau menegaskan bahawa dia tidak akan meneruskan penulisan Sastera Penuntut Seberang Laut yang jemu baginya (1979i :251-252). Pada masa itu, hatinya seakan-akan melayang ke tempat yang jauh tetapi sebenarnya beliau berasa dirinya tidak dapat “melarikan diri” dari tanah membesarnya, yakni Taiwan.

Zhang Xiguo seorang penulis yang amat mengutamakan soal kemanusiaan. Dia menjadikan segala kesusyklan manusia sebagai kandungan penting dalam

⁴ Long Yingtai berpendapat bahawa novel *Kemarahan Masa Silam* ialah karya fiksyen Zhang Xiguo yang paling rendah nilai keseniannya manakala penulis sendiri meminta para pembacanya jangan memartabatkan novel tersebut sebagai kesasteraan yang bernilai tinggi. Menurut Zhang Xiguo, penulisan ini tiada nilai keseniannya. Beliau mengarang semata-mata untuk mengimbas kembali peristiwa kempen melindungi Kepulauan Diaoyu yang memberi tamparan hebat kepadanya (1991a: 300).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

penulisannya. Menurutnya, “Penulisan saya bukanlah bermotifkan kesenian, sebaliknya sasaran saya ialah manusia.” (2001b: 148) Maka, koleksi karya fiksyen *Tanah Air* yang bernada pesimis diperlihatkan sebagai batu loncatan untuk beliau menghasilkan dua buah lagi koleksi karya fiksyen yang berjudul *Kapal Pisang* dan *Penggagah* pada tahap gemilang penulisannya. Jian Zhengzhen dalam artikelnya berjudul “Zhang Xiguo: Tinjauan terhadap Kejiwaan Seorang Pengembara” (Zhang Xiguo: Fangzhuzhe de Cunzai Tanwen) mengatakan bahawa Zhang Xiguo berjaya menyampaikan tema persoalan diaspora dalam karya-karya fiksyennya yang penuh dengan kepelbagai teknik penulisan:

Dua buah karya fiksyen Zhang Xiguo pada tahun 1970an yang mempamerkan segala tema diaspora dengan kepelbagai gaya penulisan merupakan impian yang dikeharnya selama ini. Walaupun beliau merupakan seorang penulis yang menekankan “*dao*” tetapi beliau tidak mengabaikan gaya penulisan. Sehingga tahun 1980an, gabungan dua buah koleksi karya fiksyen yang berjudul “Siri Roh Pengembara” terserlah gaya penulisannya yang unik dan berpelbagai (1995: 25).

Berbekalkan pengalaman diri semasa Zhang Xiguo di rantau asing serta kepekaan yang ada pada seorang intelektual, beliau terus menghalusi soal individu, insan sejagat dan perubahan masyarakatnya. Malah, ada pengkritik sastera yang berpendapat bahawa karya sastera beliau yang dikarang di Amerika Syarikat menjamin asas kewujudan tanah airnya (Cai, 1997: 264). Beliau amat mengambil berat masyarakat Taiwan yang merupakan tempat membesarnya. Karya yang bertemakan kepincangan masyarakat Taiwan ekoran globalisasi merupakan era baru dalam penulisannya menjelang tahun 1980an. Salah sebuah karya Zhang Xiguo, *Raja Catur* telah mengisahkan impak-impak negatif di kalangan penduduk Taiwan selaras dengan pemodenan masyarakat ini. Maka, terbuktilah kebenaran

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China
kata-kata Yang Mu, “Sastera penulisan Zhang Xiguo hanya dituju kepada masyarakat Taiwan.” (1976: 4)

Zhang Xiguo bukan sahaja mengambil berat masyarakat Taiwan dan bangsa Cina, malah tema penulisannya juga berkait rapat dengan manusia sejagat di seluruh dunia. Sebagai tamsilan, beliau banyak meneliti masalah-masalah insan sejagat dalam dunia moden yang mengejar segala pemodenan dan kebendaan. Kekuatan imaginasi yang ada pada seorang novelis berpandukan kepekaan sebagai seorang intelektual telah menonjolkan ciri-ciri penulisan Zhang Xiguo yang unik sekali dalam bidang fiksyen sains. Menurut Li Oufan dalam prakata fiksyen sains Zhang Xiguo yang berjudul *Siri Horizon* (*Xinyun Zuqu*):

Saya berpandangan bahawa Zhang Xiguo merupakan seorang penulis fiksyen sains yang paling handal. Lagipun, intelektual-intelektual Cina yang mahir dalam kedua-dua bidang sains dan sastera adalah amat kurang. Dengan kata lain, tokoh yang mahir dalam penulisan karya fiksyen sains mungkin hanya Zhang Xiguo seorang sahaja (1980: 1).

Percubaan beliau dalam karya fiksyen berjudul “Kebakaran”, “Biografi Superhuman” (Chaoren Liezuan) dan “Catatan tentang Tulang Luput” ternyata kebakatan beliau dalam bidang ini sejak awal-awal lagi. Di samping itu, Jian Zhengzhen mengatakan bahawa tema fiksyen sains Zhang Xiguo berkaitan rapat dengan soal diaspora dan dipersembahkan dalam bentuk alegori (1995: 35). Sejak tahun 1980, Zhang Xiguo berhasrat untuk mempelbagaikan genre penulisannya dengan menceburkan diri dalam bidang fiksyen sains. Buktinya, beliau berjaya meramalkan masa depan manusia sejak abad ke-20 hingga abad ke-200 kemudian melalui fiksyen sains yang berjudul *Siri Horizon* pada tahun 1980 (Zhang Xiguo,

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China
1980: 1). Berikutan itu, karya fiksyen berjudul *Lima Piring Batu* pada Januari, 1983 dan *Nyanyian Lagu Malam* pada Ogos, 1984 turut diterbitkan dalam selang masa yang singkat. Berasaskan motif Zhang Xiguo yang berkeinginan untuk mengarang karya fiksyen sains yang berunsurkan kecinaan, karya-karya fiksyen sains Zhang Xiguo sesungguhnya telah memartabatkan statusnya dalam bidang kesusasteraan Taiwan dan sekaligus membuka suatu jalan baru dalam bidang fiksyen sains China.

Dalam penulisan fiksyen sains, Zhang Xiguo mewarisi semangat nasionalisme yang utuh seperti karya-karya fiksyennya. Berasaskan masyarakat Taiwan kian berubah wajah dalam pemodenan, Zhang Xiguo menghulurkan kebimbangannya terhadap manusia yang akan merosakkan tempat tinggal sendiri pada masa akan datang. Malahan, beliau merasai kemudaratuan yang mungkin timbul sejajar kemajuan sains, bidang yang digemarinya. Dalam konteks ini, beliau berusaha membayangkan segala masalah dan risiko yang akan tercetus melalui karya-karya fiksyen sainsnya. Zhang Xiguo mengakui bahawa beliau amat mengidam-idamkan sebuah masyarakat yang berperaturan (1991a: 300). Hasrat yang mulia ini terus terbayang dalam dunia sastera beliau yang seterusnya membekalkan suatu saluran positif untuknya menilai pengertian hidup manusia sangat.

Sebagai seorang penulis yang mementingkan “*dao*” dalam penulisan fiksyen sains, karya-karya Zhang Xiguo tidak pernah terkeluar daripada gaya

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China penulisan realisme sebagaimana dikatakan oleh kebanyakan pengkritik sastera.⁵ Sekiranya kita mengamati novel *Kisah Benar tentang Paderi Pi* pada tahap awal penulisan dan beberapa lagi koleksi karya fiksyen dan novel misalnya *Tanah Air*, *Kapal Pisang*, *Penggagah*, *Kemarahan Masa Silam* dan *Raja Catur* serta beberapa buah karya fiksyen sains yang disebut di atas, kita mendapati bahawa karya-karya Zhang Xiguo terserlah ciri-ciri seorang pengembala yang berintelek. Karya-karya beliau yang berlatarbelakangkan hidup pengembalaan manusia sejagat bukannya suatu tingkahlaku yang melarikan diri daripada realiti hidup tetapi pengalaman ini telah membekalkan suatu saluran kepada golongan intelek untuk menilai diri semula. Di samping itu, penghijrahan Zhang Xiguo dari Taiwan ke Amerika Syarikat tidak menandakan bahawa beliau meninggalkan kampung halamannya bulat-bulat. Sebaliknya, keprihatinan setinggi-tinggi yang ditujukan Zhang Xiguo kepada Taiwan dan bangsa Cina ternyata beliau benar-benar mengenang budi Taiwan yang membesarkannya.

⁵ Li Oufan berpendapat bahawa tema persoalan fiksyen sains Zhang Xiguo masih dibelenggu dalam “dao” seperti karya-karya fiksyennya yang lain (1980: 5). Ini disebabkan Zhang Xiguo ialah seorang penulis yang amat mementingkan perkembangan masyarakatnya. Keprihatinan beliau terserlah dalam kesemua penulisannya secara langsung atau tidak langsung.

2.2 ANTARA TANAH BESAR CHINA DAN TAIWAN

Peristiwa penghijrahan sebahagian penduduk Cina ke Taiwan pada tahun 1949 ekoran Guomindang (Kuomintang) dikalahkan oleh Parti Komunis di tanah besar China sesungguhnya telah memberi impak-impak yang besar terhadap struktur masyarakat Taiwan. Latar belakang Zhang Xiguo seperti yang difahamkan dalam bahagian sebelum ini adalah berasaskan perkembangan masyarakat Taiwan pada zaman itu. Beliau dibesarkan dalam masyarakat Taiwan yang bergelora dan tidak stabil ini turut menerima pengaruh yang mendalam terutamanya ke atas penulisannya pada hari kemudiannya. Zhang Xiguo dibawa oleh keluarganya ke Taiwan pada usia lima tahun merasai kedudukan “tanah air” beliau terancam dalam hal ini. Sehubungan itu, bahagian ini akan kita tinjau faktor sejarah atau latar belakang Taiwan yang mempengaruhi perubahan minda Zhang Xiguo yang merupakan penghijrah generasi kedua di Taiwan.⁶ Di samping itu, bahagian ini akan mendasari pergelutan naluri yang dialami penghijrah-penghijrah ketika menempatkan diri di atas sebuah tanah baru yang digelar “tanah air” akhirnya.

Pengasingan Taiwan daripada tanah besar China pada tahun 1949 merupakan titik-tolak dalam tinjauan ke atas keterbuangan minda di kalangan penghijrah generasi kedua di Taiwan. Namun, hal ini dapat dikejar ke atas

⁶ Menurut Bai Xianyong, para penulis yang merupakan penghijrah-penghijrah generasi kedua di Taiwan ialah mereka yang dibawa oleh ibu bapa ke Taiwan dan dibesarkan di situ. Walaupun latar belakang mereka jauh berbeza daripada nenek-moyang atau generasi tua di tanah besar China, perasaan naluri mereka masih menerima pengaruh yang mendalam di bawah perkembangan sejarah selama ini. Dalam hal ini, golongan penghijrah generasi muda terpaksa meninggalkan negara kelahiran mereka sejak kecil lagi. Mereka berusaha memulakan kehidupan baru di atas tanah yang pertama kali dijejaki bersama generasi tua mereka. Dari sinilah, golongan penghijrah terutama generasi muda terpaksa menerima tanah baru ini sebagai tanah perlindungan sepanjang hayat mereka (2000: 409).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

peristiwa penyerahan Taiwan kepada Jepun melalui Perjanjian Marvillas pada tahun 1895. Pemisahan Taiwan dengan tanah besar China selama lima puluh tahun terus mematahkan semangat nasionalisme orang Cina di Taiwan. Hal ini jelas diperlihatkan dalam beberapa peristiwa, misalan sekatan atas penggunaan bahasa Cina pada akhir zaman pendudukan Jepun, kempen pelancaran adat Jepun semasa peperangan China-Jepun dan penggunaan bahasa Jepun serta pemakaian nama keluarga Jepun untuk orang Cina secara paksaan. Kesemua pelancaran ini sebenarnya bertujuan melunturkan semangat nasionalisme Cina pada zaman penjajahan Jepun. Dari sinilah, perselisihan yang ketara antara Taiwan dan tanah besar China dalam pembentukan kebudayaan masing-masing mula kelihatan.

Pada tahun 1945, tanah besar China memperoleh kemenangan dalam perang China-Jepun dan Taiwan akhirnya dipulangkan kepada tanah besar China. Sementara itu, Guomindang yang berkuasa pada masa itu mengambil langkah untuk mengatur semula struktur sosial dan budaya dalam pemerintahan mereka selama empat tahun. Dasar-dasar ekonomi dan politik yang berpandukan idea-idea Amerika Syarikat dan negara-negara Barat dilaksanakan pada masa yang sama. Penyusunan semula struktur masyarakat tersebut banyak mempengaruhi pembentukan ideologi politik dan sosial Taiwan kemudiannya. Namun, pengembalian Taiwan kepada tanah besar China hanya suatu masa yang singkat sahaja. Taiwan terpaksa berpisah dengan tanah besar China sekali lagi apabila Guomindang dikalahkan oleh Parti Komunis China dan terpaksa berundur ke Taiwan pada tahun 1949.

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Pemisahan pada tahun 1949 telah mengumpulkan kelompok-kelompok bangsa Cina dari merata-rata wilayah di seluruh tanah besar China pada suatu lokasi baru yang jauh dari kampung halaman mereka. Penghijrahan ini membawa implikasi yang amat besar dalam sejarah China. Paul Tabori pernah memberi gambaran jelas tentang penghijrahan orang-orang Cina di Taiwan pada abad ke-20:

Pembentukan masyarakat Taiwan di bawah Guomindang merupakan komuniti berkembara yang berpengaruh dan termasyhur dalam Sejarah China pada abad ke-20. Masyarakat ini merupakan kerajaan minoriti yang terputus hubungan antara rakyatnya dengan tanah air sendiri. Namun, masyarakat ini berjaya didirikan semula sebagai masyarakat diaspora yang berkuasa di atas sebuah tanah baru yang berasingan (1972: 228).

Penduduk yang tersingkir di atas pulau ini turut berasa serba salah dalam suasana politik yang porak-peranda pada masa itu. Ketidakstabilan politik dalam masyarakat bukan sahaja menyebabkan penghijrah-penghijrah ini kehilangan tanah air mereka sekali lagi, malah penghijrahan ini langsung tidak menjamin masa depan yang cerah bagi mereka. Pernah seketika, propaganda politik yang berslogarkan “menawan Komunis dan mendirikan semula negara” di bawah Guomindang di Taiwan benar-benar membangkitkan harapan kepada penghijrah-penghijrah untuk kembali ke tanah air pada suatu hari nanti. Golongan penghijrah berkeyakinan bahawa perpisahan ini hanya sementara waktu sahaja kerana mereka berpendirian tegas bahawa tanah besar China, satu-satunya tanah air yang akan dijadikan tempat perlindungan pada akhir hayat. Akan tetapi, impian ini hanya tinggal suatu propaganda politik yang amat mengecewakan golongan penghijrah memandangkan Guomindang langsung tidak berkemampuan menyatupadukan Taiwan dan tanah besar China pada masa itu.

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Latar masyarakat pada zaman ini banyak memberi ilham kepada para penulis ketika itu untuk meluahkan perasaan rindu akan tanah besar China walaupun mereka berada di Taiwan.⁷ Pengejaran nostalgia yang tidak terhenti-henti terhadap tanah berasal terserlah dalam karya-karya mereka, lebih-lebih lagi penulis-penulis dari tanah besar China menyedari bahawa impian menawarkan semula tanah besar China hanya menjadi satu utopia menjelang akhir tahun 1950an. Liu Jiemin, seorang penyelidik kesusasteraan Taiwan pernah mengatakan bahawa kebanyakan karya sastera Taiwan pada masa itu telah mendedahkan kekecewaan golongan penghijrah yang tidak berpeluang kembali ke tanah asal dan kebimbangan mereka untuk menetap di tanah asing sehingga akhir hayat. Di samping itu, kesusasteraan Taiwan yang terbatas dari penempatan wilayah sebelum ini telah diperkayakan dengan unsur budaya dan politik (1994: 463). Dengan kata lain, latar belakang masyarakat Taiwan bukan sahaja mengubah arah penulisan golongan pengarang di Taiwan, malah telah memberangsangkan perkembangan trend kesusasteraan Taiwan pada masa itu.⁸

⁷ Penghijrahan dari tanah besar China ke Taiwan telah membawa bersama barisan pengarang yang terkenal ke Taiwan. Sebagai tamsilannya, Xie Bingying, Chen Jiyng, Wang Pingling, Jiang Gui, Lin Haiyin, Pan Renmu, Meng Yao dan Mo Ren. Namun demikian, karya-karya mereka di Taiwan hanya ditujukan kepada kenangan yang dikumpul di tanah besar China sahaja. Mereka langsung tidak memetik kehidupan baru di Taiwan. Walaupun terdapat penulis-penulis generasi muda seperti Guo Lianghui, Peng Ge, Nie Hualing, Pan Lei, atau para penulis yang menduduki kem tentera seperti Zhu Xiling, Sima Zhongyuan dan Duan Caihua, kebanyakan pengarang ini masih ditenggelami dalam segala kenangan di tanah besar China sebelum ini (Ma Sen, 1992: 10 dan Ye Shitao, 1987).

⁸ Guomindang pada masa itu menyarankan propaganda politik yang berslogarkan “menawan China dan mendirikan semula negara”. Hal ini juga telah memberangsangkan kebangkitan Sastera Perang atau Sastera Menentang Komunis. Kandungan sastera ini amat bersepadan dengan ideologi politik penghijrah-penghijrah yang memberi sokongan penuh kepada Guomindang. Kegagalan menawan Komunis di tanah besar China pada masa itu mengecewakan lagi penghijrah-penghijrah yang terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka. Justeru, Sastera Menentang Komunis juga dipenuhi dengan nostalgia seperti yang terdapat dalam Sastera Nostalgia Kampung Halaman yang bersemarak pada akhir tahun 1950an (Zhao Xiaiqiu, Ma Xiangwu ed, 1995: 74 –75). Sehubungan itu, Nie Hualing yang berhijrah ke Taiwan pada tahun 1949 memberi interpretasi yang selanjutnya kepada Sastera Menentang Komunis. Menurutnya, “Penghijrah-penghijrah dari tanah besar China yang rindu akan kampung halaman terpaksa menaruh harapan mereka terhadap ideologi politik yang dialu-alukan oleh Guomindang. Mereka seakan-akan hidup dalam khayalan yang dicipta sendiri dan tidak berani berdepan dengan hidup pengembaraan yang akan diteruskan sepanjang hayat mereka.” (1987: 266).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Pada dasarnya, kebangkitan Sastera Nostalgia Kampung Halaman di Taiwan pada akhir tahun 1950an adalah berkait rapat dengan pengejaran nostalgia terhadap tanah besar China di kalangan penghijrah.⁹ Walau bagaimanapun, sentimen terasing yang terserlah dalam sastera ini tidak diberi perhatian umum kerana nilai estetika karya-karya ini kurang menarik jika berbanding dengan Sastera Penuntut Seberang Laut yang muncul sebagai salah satu cabang aliran penulisan dalam bidang kesusasteraan Taiwan pada tahun 1960an. Tambahan pula, tema persoalan yang amat terbatas dengan teknik dan gaya penulisan yang kurang kreatif tidak mendapat sambutan pembaca. Bai Xianyong dalam artikelnya berjudul “Bangsa Cina yang Mengembara: Tema Diaspora dalam Novel-novel Taiwan” (Liulang de Zhongguoren: Taiwan Xiaoshuo de Fangzhu Zhuti) pernah mendasari kesempitan tema persoalan yang ditunjukkan oleh kebanyakan karya tersebut:

Tidak ada banyak karya penting yang membayangkan pengalaman dalam buangan di kalangan penulis di Taiwan pada masa itu. Hal ini disebabkan kebanyakan penulis yang unggul pada masa itu seperti Lao She, Shen Congwen dan sebagainya masih berada di tanah besar China. Sementara itu, penulis-penulis yang berhijrah di Taiwan baru bersedia untuk memulakan kehidupan baru. Kepiluan dalam penghijrahan dan gemparan politik yang berlaku di tanah besar China masih sukar dilupakan dalam masa singkat. Lantaran itu, mereka tidak berani tampil ke hadapan untuk meneliti keadaan politik yang kelam-kabut. Hal ini mendorong mereka mengejar propaganda politik yang semata-mata merupakan suatu khayalan. Pada hakikatnya, penulis-penulis Cina di Taiwan ini tidak sanggup menerima kenyataan bahawa pengembalaan mereka akan diteruskan selama-lamanya (2000: 408).

⁹ Sastera Nostalgia Kampung Halaman merupakan trend kesusasteraan pada tahun 1950an. Penulisan ini mengutarakan nostalgia terhadap kampung halaman penulis terutamanya ditujukan kepada kehidupan mereka di Taiwan setelah penghijrahan. Kandungan dan gaya sastera ini sebenarnya adalah tapak pembinaan Sastera Penuntut Seberang Laut di Taiwan kemudiannya (Bai Shaofan, 1987: 267).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Sesungguhnya, perubahan kedudukan “tanah air” merupakan suatu kenyataan yang sukar diterima oleh kebanyakan penghijrah di Taiwan dalam masa singkat sehingga mereka turut dilanda rasa terbuang dari tanah tumpah darah sendiri.

Rasa keterasingan ini tidak pernah berakhir di kalangan generasi muda walaupun masyarakat Taiwan melangkah ke arah aman damai dan stabil pada tahun 1960an. Taiwan yang bergantung sepenuhnya kepada Amerika Syarikat dalam pelbagai bidang, misalnya politik, ekonomi, budaya dan sosial pada masa itu telah mengubah struktur masyarakat Taiwan secara menyeluruh. Dengan adanya sokongan dan bantuan Amerika Syarikat terutamanya dalam sektor ekonomi pada tahap awal pembangunannya, Taiwan mula menuju ke arah masyarakat kapitalisme. Pelaburan Amerika Syarikat secara besar-besaran di Taiwan selepas tahun 1965 menggerakkan lagi pertumbuhan ekonomi masyarakatnya yang pesat dan maju. Di samping itu, pelbagai konsep sastera dan aliran pemikiran Barat yang meresap ke dalam bidang kesusasteraan Taiwan telah memberangsangkan golongan penulis untuk mengejar keunikan seni penulisan yang tulen. Misalnya pemikiran Modernisme dibagaikan “saluran secara mendatar” sehingga membolehkan para penulis mendalami keperluan sendiri sejajar dengan perkembangan masyarakat.¹⁰ Selain itu, aliran budaya Barat menular ke dalam masyarakat Taiwan tanpa sekatan memandangkan pihak pemerintah bertindak tegas dalam menghalang sebarang kemasukan sumber-

¹⁰ Pengaruh ini dikatakan sebagai “saluran secara mendatar” oleh Ji Xian, pengasas aliran sajak Modernisme pada tahun 1956. Beliau mengutarakan pandangannya terhadap penerokaan sajak Modernisme di Taiwan dan berkata, “Penerokaan sajak Modernisme merupakan saluran secara mendatar tetapi bukannya suatu kesinambungan secara menegak...” Namun, pandangan beliau akhirnya mendapat kritikan yang tajam di kalangan penyair Taiwan kerana penyaluran dari Barat yang tidak terkawal akhirnya membawa kemudaratannya (Bai Shaofan, 1987: 312).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China sumber budaya, sosial dan kesusasteraan dari tanah besar China. Penghijrah-penghijrah terutamanya generasi muda begitu asing terhadap Sastera China Moden yang mengalu-alukan realiti masyarakat selepas Gerakan 4 Mei pada tahun 1919. Justeru, kesinambungan dalam kesusasteraan Taiwan terbuntut sama sekali. Secara kebetulan, aliran budaya dan pemikiran Barat memainkan peranan yang penting khususnya dalam bidang budaya dan kesusasteraan. Hal ini mendorong penulis-penulis Taiwan berusaha mendasari perasaan naluri yang tersisih, dingin dan sunyi-sepi dalam hidup pengembaraan yang terputus dengan hubungan luar selama ini.

Sementara itu, pengeluaran *Majalah Sastera* (*Wenxue Zazhi*) pada bulan September, 1956 membuka jalan kepada para penulis Taiwan dalam pelbagai aliran sastera Barat terutamanya ke arah pemikiran Modernisme yang “menguasai” bidang kesusasteraan Taiwan. Hsia Tsi-an (Xia Ji-an, 1916-1965) memberi pandangannya terhadap situasi golongan penulis yang berada di Taiwan pada tahun 1960an dalam keluaran majalah tersebut:

Walaupun zaman kita huru-hara, tetapi karya sastera kita tidak “kelam-kabut”... Kesungguhan seorang penulis seharusnya membayangkan kejiwaan anggota masyarakat pada zamannya. (1956:1)

Sesungguhnya, para penulis muda di Taiwan lebih berani dan tabah menampilkan diri dalam memaparkan perasaan tertekan mereka di tanah baru jika berbanding dengan generasi tua. Mereka yang tidak tertahan lagi dengan rungutan dan rintihan orang-orang tua tentang penderitaan dan kerinduan dalam penghijrahan terus membentang perasaan terdesak ini dalam karya-karya mereka. Bai

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Xianyong pernah membuat perbandingan terhadap sikap penulisan dan pegangan hidup antara dua generasi penulis di Taiwan:

Perasaan penulis-penulis generasi tua di Taiwan sering digangu dengan nostalgia masa silam yang membelenggu perlakuan sehari-hari mereka. Mereka terpaksa hidup dalam khayalan sendiri. Sementara itu, penulis-penulis generasi muda lebih berani menampilkan diri untuk meneliti dan mengkaji realiti dalam sejarah. Mereka enggan mengulangi mimpi negeri kehilangan tanah air generasi tua, sebaliknya mereka berkeyakinan dalam memaparkan kegelapan politik Taiwan pada masa itu (2000: 409).

Tambahan pula, penulis-penulis generasi muda kini menyedari bahawa janji yang diutarakan oleh pihak Guomindang selama ini hanya suatu kekosongan. Kebanyakan penulis ini mula mendasari sebab-musabab kehilangan tanah air dalam penghijrahan tersebut. Identiti mereka sebagai bangsa Cina dan kedudukan tanah air kini terpaksa diteliti dan ditinjau semula ekoran daripada perubahan lokasi kediaman selepas tahun 1949.

Pengakuan yang gagal diberi oleh kebanyakan penghijrah terhadap tanah baru turut membawa dilema kepada penghijrah-penghijrah yang dibesarkan di Taiwan sehingga mereka berasa begitu keberatan dalam menentukan sama ada tanah besar China atau Taiwan ialah tanah air yang sebenar. Dalam konteks ini, kekosongan batin yang dilahirkan dalam keterbuangan menyebabkan penulis-penulis generasi kedua mempamerkan perasaan mereka tanpa kawalan melalui karya-karya yang terpengaruh oleh pemikiran Modernisme. Li Oufan memberi tinjauannya ke atas kelompok penulis yang sentiasa memaparkan karya-karya mereka dalam *Majalah Sastera* pada masa itu:

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Kenyataan dan realiti hidup sememangnya tidak dibekalkan oleh golongan pembaca dan penulis. Akan tetapi, golongan penulis yang dicungkil oleh profesor Xia Ji'an lebih ghairah dalam mengejar keunikan bahasa sastera daripada memaparkan realiti masyarakat. Jika golongan penulis terpaksa berdepan dengan "realiti" masyarakat, mereka akan memperalatkan "Modenisme" yang berunsuran ironi untuk meluahkan perasaan bimbang, rasa terasing dan kekhawatiran dalam menjelaki langkah generasi tua (1986a: 178).

Seshubungan itu, karya-karya sastera yang berbunyi keresahan dan ketidakseimbangan mental dalam hidup pengembalaan banyak dihasilkan pada zaman itu. Tahap awal penulisan Yu Lihua, Nie Hualing, Bai Xianyong mahupun Zhang Xiguo adalah bertapak di atas pengaruh sastera ini. Mereka berusaha menggambarkan realiti hidup di samping membayangkan peristiwa-peristiwa sejarah dan politik masyarakat Taiwan pada masa itu.

Pada bulan Mac 1960, *Sastera Moden* (*Xiandai Wenxue*) diterbitkan keluaran pertamanya. Majalah yang kemudiannya merupakan penggerak utama dalam melahirkan ramai penulis di bawah pengaruh Modenisme ini juga mencatatkan bahawa:

Kita mengakui kemunduran dalam bidang penulisan kita. Namun, kita bukan suatu kekosongan walaupun gaya penulisan yang agak lembap dalam perkembangan Sastera China Moden. Kita seharusnya melupakan kenangan masa silam yang menghantui kita selama ini (Hsia Tsi-an, 1960: 1)

Kelihatan para penulis generasi muda di Taiwan enggan mengulangi mimpi ngeri yang menghantui golongan penghijrah sebelum ini. Walau bagaimanapun, usaha untuk membelakangkan sejarah adalah kerja yang agak berat terutama kepada mereka yang baru sembuh daripada kelukaan. Golongan penghijrah sememangnya

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China
dak senang dengan hidup yang seakan-akan “dikurung” di atas tanah baru
engan misi politik yang tidak dapat memenuhi hasrat mereka. Rasa ketersingan
i bukan sahaja dirasai oleh penulis-penulis yang berasal dari tanah besar China
tapi turut dibawa kepada penulis-penulis yang dilahirkan di Taiwan. Kata Chen
angming, pengkritik sastera di Taiwan:

Pada kemuncak penentangan pihak Komunis pada tahun 1960an, penulis-penulis di luar Taiwan seperti Bai Xianyong atau penulis-penulis yang berada di Taiwan seperti Chen Yingzhen banyak menyentuh tema-tema persoalan tentang fenomena lari dari rumah, kesesatan diri tanpa sebab ataupun kes membunuh diri dalam karya-karya mereka. Kerakusan nyawa ini menonjolkan keterbuangan minda di kalangan penulis di Taiwan secara menyeluruh (2000: 50).

elasnya, keseluruhan Taiwan pada masa ini dipenuhi dengan rasa ketersingan yang bukan sahaja disebabkan penghijrahan tetapi mereka turut dilanda sentimen kesunyian yang seakan-akan disingkirkan oleh “negara ibunda”, yakni tanah besar China. Kedudukan Taiwan yang tidak diberi pengakuan di kalangan penghijrah mengakibatkan mereka mencari jalan agar dapat mengurangkan kekecewaan dan ketidaksenangan yang menyerang mereka turun-temurun. Mereka terpaksa meninggalkan Taiwan yang masih tidak dapat diterima bulat-pulat sebagai “tanah air”.¹¹ Lantaran, kebanyakan penghijrah yang sebelum ini telah menceburkan diri dalam bidang penulisan, misalnya Nie Hualing, Bai Xianyong dan Yu Lihua melanjutkan pelajaran mereka ke seberang laut pada akhir tahun 1960an.

¹¹ Terdapat faktor-faktor luaran yang mengakibatkan golongan penulis Taiwan berpusu-pusu keluar dari Taiwan Ke Amerika Syarikat dan akan dikaji dalam bahagian seterusnya.

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Sesungguhnya Zhang Xiguo yang membesar di Taiwan tidak menyetujui golongan penghijrah yang masih menunduk ke arah tanah besar China sedangkan mereka telahpun memulakan hidup baru di Taiwan. Pada masa yang sama, mereka yang dibesarkan di Taiwan sejak kecil lagi tidak memahami hasrat golongan penghijrah yang ingin pulang ke tanah besar China dan hanya menganggap Taiwan sebagai tempat persinggahan. Trauma yang diwarisi daripada generasi tua tidak pernah hilang daripada ingatan tetapi terus menyelubungi generasi muda walaupun masyarakat Taiwan kini melangkah ke arah kedamaian. Sehubungan itu, penghijrah-penghijrah generasi muda mengambil keputusan untuk meninggalkan Taiwan. Tindakan ini merupakan satu-satunya jalan keluar untuk melepaskan kerunsingan yang menyerang mereka selama ini. Sebagaimana yang dikatakan oleh Liu Jiemin:

Walaupun penuntut-penuntut Taiwan merantau ke luar negara adalah untuk mengejar ilmu pengetahuan, pekerjaan atau tujuan lain, tetapi hasrat generasi ini untuk bermastaudin di rantau orang berbanding dengan generasi tua yang ingin pulang ke kampung halaman jelas berbeza. Dalam hal ini, imigrasi mendadak sebenarnya membayangkan perasaan tidak puas hati dan kekecewaan golongan intelektual terhadap masa depan dalam bidang politik dan ekonomi negara. Dapat dikatakan bahawa pemergian mereka juga terselit hajat generasi tua yang berkeinginan “keluar” dari Taiwan demi melepaskan diri daripada keterasingan di atas pulau ini (1994: 466).

Kedahagaan generasi muda meninggalkan masyarakat Taiwan pada hakikatnya telahpun menunaikan hasrat orang-orang tua mereka yang ingin kembali ke tanah air China sedangkan mereka tidak berpeluang lagi melangkah keluar dari Taiwan. Justeru, penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat pada masa itu dapat diperlihat sebagai “penghijrahan” yang

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China meninggalkan "keluarga" sendiri sekali lagi. Demikianlah Bai Xianyong menyimpulkan situasi rakan-rakan seperjuangannya di rantau asing dalam artikel yang berjudul "Anak-anak Diasingkan: Kesusahan di Tanah Besar China dan Suara dari Penulisnya" (Guchen Niezi: Zhongguo Dalu de Ku'nan yu Zuojia zhi Xinsheng) :

Para penulis ini mempunyai latar belakang yang berbeza dan nasib yang pelbagai... mereka beasal dari timur-laut China, Shanghai dan Guangzhou. Mereka pernah merentasi perjalanan yang jauh dan mengharungi pelbagai rintangan. Ada antara mereka yang sanggup menggadaikan nyawa untuk meninggalkan tanah air dan seterusnya mengembara ke seluruh pelosok dunia (1985b: 38).

Hidup penuntut-penuntut Taiwan sebagai pengembara di rantau asing menandakan suatu permulaan untuk mereka menawarkan ingatan dalam pelarian yang lalu. Nie Hualing, Bai Xianyong mahupun Zhang Xiguo sendiri tidak dapat lupa untuk menggambarkan detik-detik pengembalaan ini dalam karya-karya mereka. Akhirnya, karya-karya mereka di seberang laut banyak mendedahkan kesunyian dalam pengembalaan dan seterusnya membentuk suatu cabangan penulisan yang digelar sebagai Sastera Penuntut Seberang Laut. Tidak dapat disangkalkan bahawa sastera tersebut diperlihat sebagai suatu saluran untuk penuntut-penuntut meluahkan rasa terbuang akibat kehilangan pedoman hidup di rantau asing. Dalam konteks ini, Chen Fangming memberi penerangannya terhadap tema kehilangan akar budaya yang memenuhi bidang kesusteraan Taiwan pada tahun 1960an. Menurut Chen:

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Kadang-kadang, penulis-penulis yang berada di tanah jajahan tidak bertindak positif dalam mengkritik dan menentang kuasa pemerintah. Sebaliknya, mereka mengasingkan diri dalam pengembalaan untuk menyuarakan ketidakpuasan mereka. Penulis-penulis di bawah jajahan kehilangan semangat untuk menentang kuasa pemerintah terutama memori terhadap negara kian luntur. Lantaran itu, dunia sastera mereka hanya dipenuhi dengan tema-tema kehilangan akar budaya dan keterbuangan minda (2000: 48).

esungguhnya, penghijrah-penghijrah dari tanah besar China ke Taiwan merasa iri mereka seakan-akan “dijajah” di bawah Guomindang. Golongan penghijrah menyadari diri mereka tidak mampu lagi mengubah hakikat sejarah. Justeru, mereka, terutamanya generasi muda yang dibesarkan di Taiwan seperti Zhang Xiguo terpaksa mencari jalan keluar untuk menerokai arah perkembangan diri. Generasi muda kini dengan nyata tidak ingin mengulangi mimpi ngeri generasi tua yang kehilangan tanah air. Sehubungan itu, jalan yang menuju ke Amerika Syarikat menandakan suatu alternatif dalam melepaskan diri dari ketersinggan ini. Ini adalah benar sekurang-kurangnya bagi Zhang Xiguo.

2.3 PELAJAR-PELAJAR TAIWAN DI AMERIKA SYARIKAT

Dalam bahagian yang lalu, kita mendapati bahawa peristiwa penghijrahan pada tahun 1949 telah membekalkan suatu kedudukan yang menggelirukan kepada golongan penghijrah di Taiwan. Mereka seolah-olah hidup dalam ketidakteraman yang akhirnya menjelaskan perkembangan individu terutama kepada mereka yang dibesarkan di Taiwan, misalnya Zhang Xiguo. Justeru, generasi muda ini mengambil keputusan keluar dari Taiwan dengan melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat. Perpindahan lokasi yang merangkumi tanah besar China, Taiwan dan Amerika Syarikat telah membekalkan suatu pola perubahan minda yang ketara di kalangan penghijrah pada masa itu. Dengan kata lain, bebanan yang diperturunkan kepada generasi muda telahpun memberi suatu jalan keluar kepada golongan penghijrah untuk mendefinisi semula “tanah air” yang sebenar. Justeru, bahagian ini bertujuan meninjau bagaimana Amerika Syarikat menyediakan suatu tempat pemulihan kepada golongan penghijrah dalam melepaskan diri daripada nostalgia selama ini. Selain itu, bahagian ini akan kita tinjau juga faktor-faktor tarikan yang menyebabkan penuntut-penuntut Taiwan, termasuk Zhang Xiguo ke Amerika Syarikat dan pelbagai masalah yang ditemui oleh mereka di situ.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, penjelajahan penuntut-penuntut Taiwan melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat seolah-olah suatu budaya yang tidak asing dalam masyarakat Taiwan menjelang akhir tahun 1960an. Kebanyakan penuntut yang meninggalkan Taiwan pada masa itu didapati masih menetap di Amerika Syarikat dan mengecapi kejayaan dalam bidang masing-

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China masing hingga hari ini. Daripada kelompok-kelompok penghijrah di Amerika Syarikat, terdapat penulis-penulis yang mengharumkan nama mereka bukan sahaja dalam bidang kesusasteraan Taiwan tetapi juga di seberang laut. Penulis-penulis ini tidak pernah berputus asa untuk menghasilkan karya-karya mereka dalam hidup pengembalaan yang penuh dengan rintangan dan cabaran. Kedudukan mereka yang terletak jauh dari tanah air seolah-olah terletak di atas sebuah “tanah pinggiran” itu sering memberi suatu arah penulisan yang berbeza daripada mereka yang mengarang di tanah air sendiri.¹² Namun, inisiatif para penulis dalam usaha mempertingkatkan kehalusan bahasa dan mutu karya-karya mereka dapat diperlihatkan sebagai suatu tindakan yang disanjungi. Kesungguhan mereka untuk mengatasi pelbagai masalah di rantau asing sebenarnya adalah suatu daya penentangan yang dihasilkan oleh “golongan lain” (the others) di tanah pinggiran.

¹² Dalam kesusasteraan China klasik, karya-karya syair seperti “Nyayian Perpisahan” (Li Sau), “Sembilan Buah Nyanyian” (Jiu Ge) dan “Merentasi Sungai” (She Jiang) dikarang oleh Qu Yuan (340S.M. – 278S.M.), seorang pensyair terkenal pada Zaman Perang diberi martabat tinggi hingga hari ini walaupun beliau pernah disingkir disebabkan pegangan politiknya yang bercanggah dengan kuasa pemerintah pada masa itu. Penulisan di tanah pinggiran yang sering dikatakan mempunyai gaya pengucapan yang terpencil, terputus-putus dan imej diaspora yang keterasingan lazimnya memberi nilai estetika yang tertinggi yang tidak didugai oleh para penulis sendiri. Penulisan di tanah pinggiran merupakan persoalan lumrah dalam bidang kesusasteraan kontemporari. Yu Hua yang dilahirkan di Selatan China mengatakan bahawa beliau pernah berikhtiar menghalusi bahasa pengucapannya agar martabatnya sebagai seorang penulis dapat dipertingkatkan dalam bidang kesusasteraan China (1998: 1). Sementara itu, Wang Anyi di Shanghai, China yang namanya kini terharum di seluruh pelosok dunia pernah mengutarakan kerisauannya tentang “kelunturan dalam ketulenan bahasa Cina” pada penulis-penulis yang berpisah dengan daratan China ketika lawatannya ke Singapura pada tahun 1991 dalam artikelnya berjudul “Bahasa yang Diaspora” (1996: 214 – 228). Sementelah itu, Wang Anyi mengatakan kekhawatirannya ketika beliau mendapati ketulenan bahasa Cina terjejas di kalangan orang Cina di Singapura yang telah lama terputus hubungan dengan tanah besar China dalam penjelajahan mereka ke tanah baru. Beliau berpendapat bahawa dasar politik sesebuah negara yang mengutamakan bidang politik dan ekonomi secara tidak langsung akan mengabaikan budaya Cina yang bukannya merupakan aliran utama negara tersebut. Dalam hal ini, bahasa Cina memang merupakan bahasa “golongan lain” yang berada pada kedudukan yang lemah. Katanya, “Kedudukan kami yang diletakkan sebagai aliran utama akan sentiasa berasa selamat daripada mereka yang berada di atas tanah pinggiran. Kami sememangnya tidak dapat memahami ketakutan mereka dalam kelenyapan bahasa.” (1996: 219).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Usaha gigih penuntut-penuntut Cina untuk memperoleh pengetahuan Barat di seberang laut sememangnya suatu perkara yang tidak asing sejak akhir Dinasti Qing (1644 – 1912). Wang Dewei (David, Der-wei Wang), pengkritik sastera fiksyen China Modern telah mempamerkan sebuah salahsilah perkembangan Sastera Penuntut Seberang Laut sejak akhir Dinasti Qing dalam artikelnya yang berjudul "Jia Baoyu juga Seorang Penuntut di Seberang Laut" (Jia Baoyu ye shi Liuxuesheng) (1993: 229-236).¹³ Sejak awal-awal lagi, golongan intelektual di tanah besar China telahpun berusaha merealisasikan cita-cita mereka untuk menimba pengetahuan di Barat tanpa memperhitungkan segala rintangan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Henry, Yi-heng Zhao (Zhao Yiheng), "Penuntut-penuntut Cina tidak terhenti-henti mendirikan utopia sendiri di seberang laut. Utopia ini bukan lagi suatu khayalan sekiranya mereka dapat merealisasikannya." (1998: 45) Utopia ini tercapai kebenarannya menjelang akhir tahun 1960an memandangkan penuntut-penuntut dari Taiwan tidak jemu melanjutkan pelajaran mereka ke Amerika Syarikat sehingga terbentuk suatu trend pengejaran pengetahuan Barat di Taiwan pada masa itu.

Selain berusaha menanggalkan bebanan dan membelaangkan mimpi ngeri yang menghantui golongan penghijrah terutama mereka yang dibesarkan di Taiwan, terdapat juga faktor-faktor luaran yang memberangsangkan fenomena ini. Sejak akhir tahun 1950an, pergantungan Taiwan kepada Amerika Syarikat dalam

¹³ Sememangnya, para penuntut Cina mula dihantar ke seberang laut untuk menyerap ilmu pengetahuan Barat sejak akhir Dinasti Qing. Kebanyakan penuntut merantau ke Jepun untuk mempelajari ilmu pengetahuan moden, misalnya Lu Xun (1882 – 1936), Zhou Zhuoren (1885 – 1967), Guo Moruo (1892 – 1978) dan Yu Dafu (1896 – 1945). Tradisi ini diikuti dengan mereka yang berhasrat melanjutkan pelajaran ke Eropah dan Amerika Syarikat pada tahun 1920an, termasuknya Lin Yutang (1895-1976), Xu Zhimo (1896 –1931), Wen Yiduo (1899 – 1946), Lao She (1899-1966) dan Liang Shiqiu (1903 -1988).

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China pelbagai aspek memberi tanggapan kepada generasi muda bahawa Taiwan tidak mudah dihanyut dalam arus modenisasi. Pelbagai falsafah pemikiran Barat disalur ke dalam masyarakat Taiwan berpandukan hubungan diplomatik Amerika Syarikat - Taiwan yang intim. Hal ini seterusnya membolehkan generasi muda ghairah mengejar budaya Amerika Syarikat tanpa memperhitungkan impak-impak negatifnya. Golongan terpelajar pula menunjukkan semangat yang berkobar-kobar untuk mendapat pengetahuan Barat yang diagung-agungkan mereka selama ini. Penulis-penulis yang tertarik dengan pemikiran Modernisme turut menunjukkan minat mereka untuk melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat, antara mereka ialah Nie Hualing; Yu Guangzhong, Yu Lihua, Bai Xianyong, Chen Ruoxi, Cong Su, Ouyang Zi, Zhang Xiguo dan Li Li. Dalam hal ini, Zhang Xiguo juga meneruskan ijazah sarjana beliau di Amerika Syarikat pada tahun 1966 sejurus selepas memperoleh ijazah sarjana mudanya. Jalan seperti inilah yang dilalui oleh kebanyakan penuntut Taiwan pada masa itu.

Penulis-penulis Taiwan yang berkumpul di Amerika Syarikat kemudian membuka jalan kepada Sastera Penuntut Seberang Laut, salah satu cabangan sastera Taiwan pada tahun 1960an. Karya-karya yang banyak bertemakan persoalan kehilangan akar budaya di rantau asing merupakan arah penulisan pada tahap awal perkembangan sastera tersebut. Mereka yang gemar menggambarkan wajah-wajah penuntut yang berada dalam kesesatan bukan tanpa sebabnya. Persekutaran baru di Amerika Syarikat nyata telah melahirkan gemparan yang hebat kepada kehidupan penuntut-penuntut Taiwan di rantau asing. Rasa kebimbangan, ketidakselesaan dan pergelutan batin kerapkali menghantui golongan penuntut dalam jangka masa yang agak panjang akibat daripada

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China pertembungan budaya Barat dengan budaya tradisional Timur. Kebanyakan penuntut yang meninggalkan Taiwan bukan sahaja tidak dapat menempatkan diri mereka dalam suatu struktur dan budaya masyarakat yang berlainan, malahan pengembara-pengembara ini sering berasa diri mereka sukar menerapkan diri ke dalam budaya Barat yang asing bagi mereka. Rasa keterasingan yang menyerang mereka pada tahap ini kelihatan lebih berat daripada keadaan sebelum itu.

Penuntut-penuntut Taiwan di Amerika Syarikat yang gagal menentukan suatu titik persinggahan di sepanjang penjelajahan kini seolah-olah berada di tengah-tengah simpang di antara Barat dan Timur. Budaya Barat yang bertentangan dengan akar tradisional Timur sukar diterima oleh mereka dengan hati terbuka. Tambahan pula, sikap materialistik dan hubungan sosial yang dingin di kalangan pemuda-pemudi masyarakat Amerika Syarikat amat tidak menyeronokkan golongan intelek di Taiwan. Selain itu, persaingan peluang pekerjaan yang hebat di Amerika Syarikat mengakibatkan kebanyakan penuntut terpaksa mengaplikasikan satu-satunya kemahiran mereka, yakni mengajar bahasa Cina di negara Barat. Nyatalah, kehidupan penuntut-penuntut Taiwan tidak menjamin ketenangan seperti yang diidam-idamkan mereka sebelum keluar dari negara mereka. Kebanyakan mereka sering berasa serba salah ketika gagal mengimbangi diri antara masyarakat Taiwan dengan Amerika Syarikat terutama ketika berdepan dengan budaya Barat yang bercanggah dengan nilai-nilai tradisi mereka selama ini. Lantaran itu, lahirnya “generasi kehilangan akar budaya” dengan wajah-wajah penuntut Taiwan yang kehilangan pedoman hidup di rantau

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China
asing dalam karya-karya fiksyen Yu Lihua, pengasas Sastera Penuntut Seberang
Laut pada tahap awal penulisannya.¹⁴

Psikologi golongan penuntut ini diganggu sekali lagi ketika mereka berpaling semula ke Taiwan. Penuntut-penuntut yang meninggalkan Taiwan selama ini merasa diri mereka sukar menerima segala perubahan dan pemodenan Taiwan walaupun mereka pernah berusaha untuk kembali ke tempat asal setelah tamat pelajaran di Amerika Syarikat. Namun, mereka tidak dapat menenangkan hati ketika mendapati pemuda-pemudi masyarakat Taipei begitu ghairah dalam mengejar kebendaan dan terikut-ikut budaya Barat. Tambahan pula, penuntut-penuntut yang meninggalkan Taiwan selama beberapa tahun ini telah menjauhkan hubungan mereka dengan masyarakat Taiwan. Kekhuatiran penuntut-penuntut Taiwan makin melambung ketika jurang yang ketara wujud antara mereka dengan masyarakat Timur. Sesetengah penghijrah generasi muda masih tidak sanggup menerima kenyataan bahawa Taiwan barulah tanah air mereka walaupun pemergian selama ini adalah bertujuan mengurangkan kesakitan daripada sejarah.

¹⁴ Sebagai pengasas Sastera Penuntut Seberang Laut, Yu Lihua mengharumkan namanya di persada kesusastraan Taiwan disebabkan beliau berjaya menggambarkan segala onak duri yang dialami oleh generasi muda Taiwan di rantau asing dengan daya observatif yang tajam dan menyeluruh. Kebingungan dan kesunyian Mou Tianlei, watak bulat dalam karya fiksyen Yu Lihua yang terkenal, yakni *Sekali lagi Kelihan Pohon Palm* (*Youjian Zongli Youjian Zongli*) merupakan watak tipikal kepada kebanyakan penuntut Taiwan di seberang laut pada masa itu. Mou yang melanjutkan pelajarannya di Amerika Syarikat bercita-cita menjadi seorang penulis pada awalnya. Akan tetapi, kesukaran mencari nafkah di Amerika Syarikat mendorong Mou menceburkan diri dalam bidang kewartawanan yang lebih menjamin nafkah hidupnya kelak. Sesungguhnya, persaingan hebat di rantau orang tidak memberi sebarang jawatan kepada dia. Mou kemudian terpaksa mengajar Bahasa Cina di sebuah kolej. Budaya Barat yang bercanggah dengan budaya tradisi sendiri dalam persekitaran baru benar-benar menyukarkan mereka untuk mengenalpasti keperibadiannya. Yang lebih menggemparkan, Mou tidak rela kembali ke Taiwan disebabkan masyarakat Taiwan kian asing sejak pemergiannya, lebih-lebih lagi hubungannya dengan tanah air yang semakin jauh menyebabkan Mou tidak dapat lagi menyesuaikan diri dalam perubahan masyarakat beliau berasal. Yu Lihua memaparkan perasaan Mou dengan nada sedih sekali, "Aku tidak suka akan Amerika Syarikat, tetapi aku terpaksa pulang ke situ. Ini bukan disebabkan aku tidak dapat hidup selesa di tanah air, tetapi aku telah diasinkan oleh masyarakat sendiri. Di sini, aku seolah-olah kehilangan akar budaya sendiri." (1980: 240) Pengalaman dalam buangan ini sebenarnya merupakan monolog kepada kebanyakan penuntut di Taiwan pada masa itu. Sebagaimana yang diakui Yu Lihua, "Pengalaman Mou Tianlei dalam karya fiksyenku padahalnya ialah pengalaman diri sendiri." (1980: 323)

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China
Justeru, golongan penuntut masih menenggelami diri dalam kesesatan yang tidak berkesudahan kepada mereka. Situasi ini mirip dengan kata-kata Ernest Hemingway, penulis terkenal di Amerika Syarikat pada abad ke-19 ketika beliau menggambarkan tingkahlaku pemuda-pemudi Barat sebagai "generasi yang sesat".¹⁵

Selain Yu Lihua, karya-karya tahap awal Bai Xianyong tidak ketinggalan dalam membayangkan keterbuangan minda golongan penuntut Taiwan yang diibaratkan sebagai "roh pengembara".¹⁶ Penuntut-penuntut yang gagal mengimbangkan diri antara budaya tradisi dengan budaya Barat seperti dalam karya-karya Yu Lihua terus menemui kesesatan diri dalam karya-karya Bai Xianyong. Wajah sebenar Amerika Syarikat secara langsung telah mengubah persepsi penuntut-penuntut Taiwan terhadap budaya dan norma-norma

¹⁵ "Generasi yang sesat" dalam kesusasteraan Barat adalah berbeza daripada "generasi kehilangan akar budaya" di bawah Yu Lihua. "Generasi yang sesat" wujud kerana pegangan masyarakat Barat pada abad ke-19 bertembung dengan nilai dan budaya tradisi mereka. Mereka berasa sangsi terhadap nilai tradisi dan seterusnya mengkritiknya. Bagi mereka, dunia seakan-akan tanah terbiar, mereka lantas berasa jemu dan benci akan segala peristiwa dan insan. Hubungan mereka dengan nilai tradisi mahupun sesama insan menjadi kian tegang. Justeru, mereka bersikap dingin terhadap dunia. Keadaan inilah yang membayangkan kesukaran dalam kehidupan masyarakat Barat. Manakala "generasi kehilangan akar budaya" yang digambarkan oleh Yu Lihua adalah merujuk kepada generasi muda yang terikat dengan nilai-nilai tradisi China sehingga tidak dapat menyesuaikan diri dengan budaya Barat dalam persekitaran baru. Sementelah itu, mereka berhasrat memulihkan tradisi budaya yang kian luntur. Namun demikian, latar belakang sejarah dan pengejaran budaya Barat dalam masyarakat Taiwan pada tahun 1960an telah menyebabkan "kehilangan akar budaya" pada zaman itu. Selain itu, Yu Lihua dalam novelnya *Sekali lagi Kelihatan Pohon Palm* pernah menjelaskan fenomena ini dengan memperalatkan watak Mou Tianlei. Katanya, "Adakah kamu rasa akar budaya diri tidak akan terputus jika terus tinggal di sana?... Gertrude Stein memberitahu kepada Hemingway bahawa mereka merupakan 'generasi yang sesat'. Bagaimanakah dengan kita? Kita ni...aku rasa jalah generasi yang kehilangan akar budaya, ya?" (1980: 158-159)

¹⁶ Sesungguhnya perasaan kecewa dilahir dalam sanubari Bai Xianyong ketika beliau mendapatkan budaya Barat yang diagung-agungkan selama ini adalah bercanggah dengan keunikian budaya tradisi Timur yang berakar umbi padanya. Budaya Barat yang bersikap terbuka dan bebas tidak dapat diterimanya dalam masa singkat. Di samping itu, beliau berasa terdesak kerana budaya tradisinya yang ditinggal lama hampir-hampir luntur dalam kehidupan. Beliau mengimbas kembali perasaannya ketika baru tiba di Amerika Syarikat, "Walaupun kesusasteraan Barat dipelajari di universiti pada masa itu, namun bahan-bahan bacaan dipinjam dari perpustakaan adalah berkenaan dengan sejarah, politik, falsafah dan kesenian China. Selain itu, rujukan aku merangkumi karya-karya fiksyen pada zaman Gerakan 4 Mei. Sikap mengejar pengetahuan ini semata-mata aku telah menghadapi 'penyakit kehausan budaya'. Lantaran itu, ketika kudapat buku-buku sejarah dan kesusasteraan China, ku teringin untuk membacanya." (1978: 78)

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China masyarakat Barat pada awalnya. Struktur masyarakat, kecenderungan budaya, pegangan dan cara hidup orang Amerika Syarikat amat bertentangan dengan kandungan “budaya Barat” yang difahaminya dari buku-buku. Sentimen negara asing yang senantiasa membebankan Bai Xianyong walaupun beliau lama menenggelami diri dalam budaya tradisi Timur. Katanya, “Kian kami lama meninggalkan tanah air, nostalgia kami terhadap budaya negara asal kian mendalam.” (1978: 78) Akhirnya, kebanyakan penuntut terjerebak ke dalam lembah dilema antara “kembali ke tanah sendiri” atau “tinggal di rantau asing”.

Yang tidak diduga, penuntut-penuntut Taiwan ke Amerika Syarikat yang pada awalnya berkeinginan “mengasingkan diri” di luar negara atas sebab-sebab tertentu kini telah mendirikan kelompok penulis yang menyumbang tenaga mereka dalam kesusasteraan Taiwan di seberang laut. Sastera Penuntut Seberang Laut yang sebelum ini ghairah dalam mengejar nostalgia terhadap tanah besar China kini mula menular ke arah masyarakat Taiwan yang merupakan tanah baru bagi golongan penghijrah sejak tahun 1949. Dengan kata lain, generasi muda kian mengutamakan persoalan-persoalan masyarakat Taiwan, yakni tempat perlindungan yang dipertimbangkan untuk “pengembalian” daripada asyik berpaling ke tanah besar China yang tidak mungkin kembali ke situ lagi.¹⁷

¹⁷ Dari karya-karya fiksyen yang berjudul *Sekali lagi Kelihatan Pohon Palm ke Tetamu di New York* (*Niuyueke*) hingga *Kemarahan Masa Silam*, kita memperlihatkan satu pola perubahan naluri yang jelas di kalangan penuntut asing. Daripada pengejaran nostalgia pada Yu Lihua dan Bai Xianyong hingga kebangkitan semangat nasionalisme yang utuh pada Zhang Xigu, Sastera Penuntut Seberang Laut telah menunjukkan kegigihannya. Tambahan pula, pertumbuhan politik, ekonomi, budaya, sosial dan pendidikan Taiwan yang pantas berubah banyak memberi ilham kepada para penulis yang berada di rantau orang. Justeru, tidak menghairankan bahawa para penulis tersebut menenggelami diri dalam bidang Sastera Penuntut Seberang Laut dalam jangka masa yang agak panjang.

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China

Li Li, seorang penulis Taiwan di Amerika Syarikat pernah mengulaskan pandangannya terhadap perkembangan Sastera Penuntut Seberang Laut dalam pembuka kata koleksi karya fiksyen yang dieditnya, yakni *Karya-karya Fiksyen Penulis Cina di Seberang Laut (Haiwai Huaren Zuojia Xiaoshuoxuan)*. Beliau memberi penekanannya kepada dua tahap penting dalam perkembangan sastera ini. Tahap pertama terletak pada tahun 1960an yang menumpukan masalah-masalah penuntut dalam pelajaran, pekerjaan, percintaan dan tekanan hidup dari negara asal dan negara asing serta soal diskriminasi kaum. Manakala tahap kedua Sastera Penuntut Seberang Laut tertumpu pada tahun 1970an yang dipertingkat ke tahap yang lebih berpandangan jauh dan berfikiran terbuka. Perubahan ini jelas menunjukkan kegigihan para penuntut dalam mengharungi segala rintangan dan dugaan semasa pembelajaran di seberang laut. Mereka bukan sahaja tidak lagi terbelenggu dalam soal perpisahan dan pertemuan, malah lebih mempertimbangkan persoalan-persoalan penting seperti perbezaan budaya, identiti, semangat nasionalisme dan kepentingan sejarah. (1983 : 1) Karya-karya Zhang Xiguo terutamanya yang dihasilkan di antara tahun 1970an hingga tahun 1980an memperlihatkan skop penulisan yang lebih luas dan bermakna. Beliau menyelitkan pelbagai masalah yang ditemuiinya mahupun di masyarakat Taiwan atau Amerika Syarikat.

Kebanyakan penulis yang juga merupakan penuntut-penuntut Taiwan di Amerika Syarikat telah melibatkan diri dalam tiga titik lokasi utama sepanjang penjelajahan mereka, yakni tempat lahir (tanah besar China), tempat membesar (Taiwan) dan akhirnya tempat bermastaudin (Amerika Syarikat). Golongan penulis ini turut memegang jawatan pensyarah di universiti-universiti di

Bab 2 Nostalgia terhadap tanah besar China Amerika Syarikat selepas tamat pengajian mereka di situ. Mereka kemudian mendirikan rumah tangga dan menetap di rantau asing hingga hari ini. Pada hakikatnya, pemastaudin-pemastaudin ini tidak jemu meninjau persoalan identiti negara dan budaya terutama sebagai seorang penghijrah Cina di rantau asing. Bagi Zhang Xiguo yang menghasilkan hampir kesemua karyanya di Amerika Syarikat sering memperlihatkan persoalan identiti sebagai tinjauan utama dalam bidang penulisannya. Beliau yang berada di Amerika Syarikat dalam jangka masa yang panjang tidak jemu mendalam peranannya sebagai seorang warga Taiwan yang seharusnya bertanggungjawab terhadap bangsa sendiri. Justeru, pembentukan identiti negara-bangsa turut menjadi cabaran utama kepada Zhang Xiguo, seorang pengembala yang merantau di luar Taiwan.